

Landskap	
Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none"> - Landskap bermaksud rupa daratan iaitu apa sahaja yang dilihat di atas muka bumi seperti bangunan, jalan raya, tumbuhan, tasik dan sebagainya. - Pelandskapan merupakan proses yang melibatkan kegiatan merancang, mereka bentuk, melaksana dan menguruskan landskap untuk keselesaan, keselamatan dan keseronongan manusia. - Reka bentuk landskap bermakna memilih dan menyusun elemen-elemen landskap seperti tumbuhan, struktur, air dan batu bataan untuk mewujudkan ruang di kawasan luaran. - Pereka bentuk landskap ialah individu yang mereka bentuk landskap - Arkitek landskap ialah profesional yang bertauliah dalam bidang seni bina landskap untuk menjalankan kerja-kerja merancang dan mereka bentuk landskap - Kontraktor landskap ialah seorang peniaga yang membuat kerja-kerja pembinaan dan pengurusan landskap
Elemen-elemen landskap	<ul style="list-style-type: none"> - Tumbuh-tumbuhan <ul style="list-style-type: none"> i. Ia ditanam untuk memberikan pelbagai jenis fungsi antaranya <ul style="list-style-type: none"> 1. melembutkan seni bina keras seperti bangunan 2. mengindahkan kawasan dengan bentuk, warna dan tekstur yang menarik 3. mewujudkan persekitaran yang harmoni alam 4. menghalang pandangan yang tidak dikehendaki 5. mengawal pergerakan pengguna dalam kawasan landskap 6. mengawal suhu dan iklim mikro di sesuatu tempat 7. mengawal hakisan dan meningkatkan kesuburan tanah ii. Tumbuhan landskap mempunyai nilai-nilai estetika melalui ciri-ciri khusus yang ada padanya seperti bentuk, warna dan tekstur yang menarik - Air <ul style="list-style-type: none"> i. Air dapat melembutkan suasana, menyegarkan persekitaran, menghasilkan bunyi dan untuk tujuan rekreasi seperti bersampai dan memancing ii. Air juga dapat meningkatkan kecantikan kawasan persekitaran iii. Ia boleh diperindahkan dalam bentuk kolam, air pancutan dan air terjun - Rupa bumi <ul style="list-style-type: none"> i. Bentuk rupa bumi atau topografi sesuatu kawasan landskap ii. Landskap semulajadi – bukit-bukit, lembah-daratan iii. Landskap buatan manusia – busut kecil, batas tanaman, kolam-kolam dan lain-lain - Struktur dan binaan <ul style="list-style-type: none"> i. Merupakan elemen keras, padu dan bersifat tetap dalam sesuatu kawasan landskap ii. Struktur yang biasa adalah wakaf, siar kaki, kerusi, lampu taman, papan tanda, pergola, pintu gerbang, binaan simen ferro dan sebagainya
Jenis landskap	<ul style="list-style-type: none"> - Landskap lembut - melibatkan penggunaan elemen-elemen semulajadi seperti tumbuhan dan air - Landskap kejur - melibatkan elemen-elemen buatan dan keras seperti batu, kayu, lampu, wakaf
Pemilihan tumbuhan hiasan	<ul style="list-style-type: none"> - Faktor pemilihan adalah <ul style="list-style-type: none"> i. Bentuk - beberapa bentuk asli tumbuhan dalam landskap seperti bulat, bujur, segi tiga, lonjong, terbuka, kipas, payung dan tiada bentuk ii. Tekstur - tekstur pandang dan tekstur sentuh iii. Warna - bunga, daun, buah dan batang, ia ciri paling popular dalam pelandskapan iv. Bau-bauan - bunga, daun dan kulit tumbuhan yang mengeluarkan bau-bauan yang harum seperti bunga tanjung, melur dan sempaka
Fungsi tumbuhan dalam landskap	<ul style="list-style-type: none"> - Dari segi fizikal <ul style="list-style-type: none"> i. Mengawal hakisan ii. Meredakan iklim iii. Sebagai tirai perlindungan pantulan cahaya, pemandangan kurang elok dan tiupan angin iv. Memberi teduhan daripada panas matahari v. Mengarah pergerakan lalu lintas pejalan kaki - Dari segi estetika <ul style="list-style-type: none"> i. Membentuk ruang luar bangunan ii. Merangka dan membingkai pemandangan iii. Melembutkan pemandangan seni bina bangunan iv. Mengikat bangunan dan struktur dengan permukaan bumi v. Menjadi penyatu kepada pelbagai elemen dalam satu-satu kawasan
Modul 9	
Proses Mereka Bentuk Landskap	
Asas lukisan	<ul style="list-style-type: none"> - Alatan asas lukisan grafik <ul style="list-style-type: none"> i. Papan surih atau meja lukis

<p>pelan landskap</p>	<p>setiap penjuru ukurannya</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mempunyai permukaan rata dan licin serta bersudut tepat 2. ia perlu bagi menghasilkan pelan yang baik dan tepat <p>secara memanjang atau menegak</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Sesiku-T <ul style="list-style-type: none"> 1. sesiku panjang berbentuk T untuk membuat garisan lurus 2. sesiku boleh laras dapat menghasilkan sudut sehingga 180° iii. Sesiku segi tiga dan sesiku boleh laras <ul style="list-style-type: none"> 1. sesiku segi tiga untuk membuat sudut 45°, 30° dan 60° 2. sesiku boleh laras dapat menghasilkan sudut sehingga 180° iv. Pembaris berskala <ul style="list-style-type: none"> 1. pembaris leper atau bersetegi tiga menunjukkan pembahagian ukuran mengikut skala-skala tertentu 2. skala yang biasa digunakan adalah skala metrik seperti 1:50, 1:100, 1:200 v. Pensel <ul style="list-style-type: none"> 1. pensel digunakan untuk membuat pelan dan lukisan teknikal mekanikal digunakan untuk membuat pelan dan lukisan teknikal 2. pensel yang lembut ialah B, 2B, 3B 3. pensel yang keras ialah H, 2H, 3H 4. pensel HB adalah pengantara antara pensel lembut dan pensel keras vi. Pen teknikal <ul style="list-style-type: none"> 1. pen teknikal digunakan untuk mendapatkan lukisan yang terang dan tidak mudah padam 2. saiz yang standard mengikut sistem ISO ialah 0.13, 0.18, 0.25, 0.35, 0.5 vii. Kertas lukisan <ul style="list-style-type: none"> 1. kertas mahjong (<i>butter paper</i>) merupakan kertas nipis untuk membuat lakaran dan lukisan awal 2. kertas lukisan atau kertas surih (<i>tracing paper</i>) digunakan untuk menghasilkan lukisan yang berkualiti 3. kertas lukisan mempunyai pelbagai saiz A0, A1, A2, A3 viii. keluk perancis dan keluk mudah bentuk <ul style="list-style-type: none"> 1. digunakan untuk membuat garisan berkeluk pada pelan 2. keluk perancis mempunyai pelbagai bentuk dan saiz keluk yang tetap 3. keluk mudah bentuk lebih anjal dan boleh dibentuk mengikut keluk yang dikehendaki ix. acu bulatan <ul style="list-style-type: none"> 1. untuk membuat bulatan berdasarkan saiz-saiz tertentu 2. untuk membuat bulatan asas kepada simbol tanaman dalam pelan landskap x. warna <ul style="list-style-type: none"> 1. digunakan untuk mewarna pelan-pelan landskap 2. pensel warna dan warna air biasa digunakan <p>- Perkara-perkara dalam pelan landskap</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kotak tajuk <ul style="list-style-type: none"> 1. di sebelah kanan di bahagian bawah kertas lukisan 2. ia mengandungi perkara-perkara berikut <ul style="list-style-type: none"> a. ruangan nota, catatan atau petunjuk kepada simbol b. tajuk projek c. nama dan tandatangan arkitek landskap atau d. nama dan tandatangan pemilik e. nama pelukis pelan f. tarikh lukisan disediakan g. nombor atau bilangan lukisan ii. arah mata angin <ul style="list-style-type: none"> 1. ditunjukkan secara grafik atau anak panah 2. arah utara secara lazimnya menghala tegak 90° ke atas iii. skala <ul style="list-style-type: none"> 1. perbandingan saiz objek atau tumbuhan yang dilukis di atas pelan berbanding saiz sebenar iv. simbol-simbol landskap <ul style="list-style-type: none"> 1. simbol khusus digunakan bagi mewakili pelbagai jenis tumbuhan dan elemen-elemen lain seperti air dan struktur binaan <p>- Jenis pelan landskap</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pelan asas <ul style="list-style-type: none"> 1. menunjukkan kedudukan sebenar tapak atau kawasan yang akan dibina 2. mengandungi perkara asas seperti kolam, bangunan, jalan raya 3. boleh didapati daripada pemilik kawasan ii. Pelan inventori dan analisis
----------------------------------	--

	<p>1. pelan ini dilukis hasil daripada kerja-kerja inventori dan analisis yang dilakukan di tapak landskap</p> <p>iii. Pelan konsep</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menunjukkan idea dan program-program yang dicadangkan secara kasar dalam reka bentuk landskap 2. ia menerangkan maklamat, objektif dan gaya yang dikehendaki dalam reka bentuk landskap <p>iv. Pelan induk</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menerangkan dengan terperinci idea dan program yang dicadangkan untuk pelaksanaan 2. ia menunjukkan simbol landskap yang jelas bagi semua elemen <p>v. Pelan penanaman</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menunjukkan lebih terperinci berkenaan tumbuhan yang digunakan dalam pelan induk 2. menunjukkan tempat penanaman dan panduan menyusun tumbuhan 3. ia penting bagi pembinaan landskap lembut <p>vi. Lukisan pembinaan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menunjukkan dengan terperinci pembinaan struktur dalam landskap pembinaannya 2. ia dilukis dari pelbagai sudut dan menerangkan teknik 3. ia penting bagi pembinaan landskap kejur
Konsep Reka Bentuk Landskap	<p>- Prinsip reka bentuk landskap</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Adalah satu tatacara menyusun dan mengolah elemen landskap seperti tumbuhan dalam satu kombinasi yang sesuai, menarik dan berfungsi. ii. Dalam reka bentuk landskap, satu atau lebih prinsip reka bentuk digunakan bagi menggabungkan elemen-elemen landskap dalam satu-satu kawasan iii. Beberapa prinsip yang boleh diguna pakai dalam merekabentuk landskap <ol style="list-style-type: none"> 1. Keringkasan <ul style="list-style-type: none"> a. Penggunaan beberapa jenis elemen sahaja spt. Tumbuhan, air dan struktur binaan yang mudah dan ringkas 2. Keanekaan <ul style="list-style-type: none"> a. Penggunaan pelbagai jenis elemen yang digabungkan b. Banyak ciri digunakan terutamanya tumbuhan yang berbagai saiz, bentuk, warna dan tekstur 3. Keseimbangan <ul style="list-style-type: none"> a. Pembahagian yang sama bagi ruang-ruang luar b. Ia juga melibatkan keseimbangan dari segi saiz ruang, tinggi pokok dan juga bentuk tumbuhan 4. Penumpuan <ul style="list-style-type: none"> a. Penumpuan terhadap satu-satu elemen yang khusus yang mempunyai ciri yang menarik dan menonjol dalam landskap b. Penumpuan boleh diberikan kepada spesies tumbuhan yang menarik, elemen air pancutan, air terjun, struktur binaan dan sebagainya 5. Turutan <ul style="list-style-type: none"> a. Penggunaan elemen terutamanya tumbuhan secara berulang-ulang b. Ulangan bentuk linear (memanjang) atau barisan c. Ia memberikan pandangan yang bersambungan dan berterusan d. Prinsip ini biasanya digunakan untuk membahagi kawasan, menunjukkan sempadan atau menunjuk arah laluan 6. Skala <ul style="list-style-type: none"> a. Perbandingan saiz di antara elemen-elemen yang ada serta perbandingan saiz di antara manusia dan persekitarannya <p>- Konsep reka bentuk landskap</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Reka bentuk landskap perlu ada matlamat reka bentuk hasil dari inventori dan analisis yang telah dijalankan ii. Program reka bentuk perlu disenaraikan untuk mencapai matlamat iii. Program adalah aktiviti yang perlu dijalankan dalam merekabentuk untuk menyelesaikan masalah yang ada
Pelan Reka Bentuk Landskap	<p>- Pelan induk landskap</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Dihasilkan dengan perincian pelan konsep. ii. Ia menunjukkan semua elemen yang dicadangkan dalam konsep reka bentuk dengan jelas dan terperinci iii. Setiap spesies tanaman yang digunakan dilukiskan simbolnya dan disenaraikan nama spesiesnya iv. Struktur binaan dilukis dengan simbol khusus v. Penghasilan pelan induk merupakan peringkat terakhir dalam proses merekabentuk landskap vi. Pelan induk yang berwarna dipersembahkan kepada pelanggan atau pemilik kawasan tersebut untuk mendapat persetujuan berkenaan reka bentuk yang

	<p>dibuat</p> <p>vii. Pelan induk perlu lengkap, kemas dan menarik untuk menarik perhatian pelanggan</p> <p>viii. Lukisan-lukisan sokongan juga perlu bagi memberikan gambaran yang jelas tentang</p> <p>ix. Lukisan sokongan yang biasa adalah perspektif, keratan rentas dan tampak seperti</p> <p>x. Bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan landskap, pelan penanaman, pelan perincian pembinaan dan spesifikasi. Pelan ini disediakan oleh arkitek landskap atau perekabentuk landskap</p>
--	---

Modul 10

Pelaksanaan Landskap Lembut

	.
Persediaan sebelum penanaman	<ul style="list-style-type: none"> - Perkara yang perlu diberikan perhatian sebelum penanaman adalah seperti pemilihan bahan tanaman, pengendalian bahan tanaman, penyediaan tapak dan lubang penanaman
Pemilihan bahan tanaman	<ul style="list-style-type: none"> - Bahan tanaman polibeg <ul style="list-style-type: none"> i. Polibeg boleh didapati dalam pelbagai saiz bergantung kepada saiz tanaman - Bungkusun guni <ul style="list-style-type: none"> i. Guni biasanya digunakan untuk pokok-pokok 'segera' yang dipindahkan dari satu kawasan ke tapak landskap <ul style="list-style-type: none"> ii. Biasanya ia adalah dari pokok naungan dan palma yang mempunyai akar yang besar iii. Ia boleh ditanam terus ke dalam lubang penanaman - Tanaman akar terdedah <ul style="list-style-type: none"> i. Ia digunakan untuk tanaman yang mudah mengeluarkan akar ii. Biasanya dari jenis penutup bumi dan herba seperti <i>Alternanthera amoena</i>, <i>Heliconia psittacorum</i>, <i>Bambusa</i> sp. dan lain-lain iii. Ia boleh dipisahkan dari induk untuk menjadi bahagian yang lebih kecil untuk ditanam terus - Biji benih <ul style="list-style-type: none"> i. Digunakan untuk kawasan yang luas seperti padang rumput ii. Antara rumput yang biasa ditanam dengan biji benih adalah <i>Axonopus compressus</i>, <i>Zoysia matrella</i> dan <i>Digitaria didactyla</i>
Pengendalian Bahan Tanaman	<ul style="list-style-type: none"> - Pengerasan tanaman <ul style="list-style-type: none"> i. Mendedahkan tanaman ke persekitaran terbuka dan cahaya matahari penuh secara beransur-ansur ii. Pengerasan perlu untuk mengurangkan kejutan tanaman apabila ditanam terus ke tapak landskap <ul style="list-style-type: none"> iii. Tanaman akan lebih bersedia jika dibuat pengerasan - Pengangkutan bahan tanaman <ul style="list-style-type: none"> i. Pengangkutan tanaman dari nurseri ke tapak landskap ii. Semasa pengangkutan, pengawasan perlu untuk mengelakkan bahan tanaman rosak iii. Kerosakan yang biasa adalah patah dahan/ranting, calar kulit dan daun, akar atau bebola akar terkeluar iv. Beberapa langkah yang perlu diberi perhatian <ul style="list-style-type: none"> 1. Hati-hati ketika mengangkat 2. Menggunakan kenderaan yang sesuai 3. Memberi perlindungan semasa pengangkutan 4. Mengangkut pada waktu yang sesuai - pagi dan petang - untuk elak kekeringan semasa cuaca panas - Perlindungan semasa di tapak <ul style="list-style-type: none"> i. Perlindungan di tapak adalah untuk mengelakkan daripada cuaca keterlaluan seperti panas terik, angin kuat, haiwan dan air bertakung ii. Untuk perlindungan, perkara-perkara yang perlu dipatuhi <ul style="list-style-type: none"> 1. Bahan tanaman diletakkan di atas tanah yang rata dan saliran baik 2. Letakkan di tempat yang teduh 3. Memberi sokongan kepada pokok-pokok besar dan tinggi 4. Menyusun secara tegak dan rapat 5. Membuat siraman dari semasa ke semasa

	6. Menanam dengan segera						
Pembersihan dan penyediaan tapak	<ul style="list-style-type: none"> - Pembersihan tapak adalah membuang sampah dan rumput - Ia adalah untuk memudahkan kerja-kerja penanaman, persaingan mendapatkan nutrien dan ruang serta menampakkan kawasan yang kemas 						
Penandaan	<ul style="list-style-type: none"> - Penandaan adalah menanda tempat atau lokasi menanam - Tempat yang akan dibuat lubang untuk penanaman terlebih dahulu ditandakan - Penanda yang digunakan adalah kayu penanda 45-60 cm panjang dan diwarnakan - Untuk penutup bumi dan turf ditanda dengan kayu dan tali yang diikat mengelilingi kawasan untuk menentukan sempadan kawasan yang akan ditanam 						
Penyediaan lubang dan batas penanaman	<ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan lubang penanaman <ul style="list-style-type: none"> i. Digali di tempat yang telah ditandakan mengikut pelan penanaman ii. Tungkul kayum batu dan sisa buangan mestilah dibuang supaya tidak menghalang pertumbuhan akar iii. Saiz lubang yang disyorkan adalah <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis Tumbuhan Lanskap</th><th>Saiz Lubang Penanaman</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pokok naungan dan palma</td><td>1 meter x 1 meter x 1 meter</td></tr> <tr> <td>Tumbuhan renek</td><td>0.5 meter x 0.5 meter x 0.5 meter</td></tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> iv. Lubang yang digali sebaik-baiknya didedahkan kepada cahaya matahari selama seminggu untuk memusnahkan kulat dan parasit tanah - Penyediaan batas tanaman <ul style="list-style-type: none"> i. Batas tanaman perlu untuk tanaman bersaiz kecil seperti renek kecil, penutup bumi dan turf ii. Kawasan dibersih dan ditandakan dengan tali dan kayu iii. Tanah dipecah dan digemburkan sedalam 15cm, didedahkan selama seminggu iv. Selepas seminggu, tabur campuran tanah 3:1 (loam:bahan organik) sehingga membentuk batas setinggi 15-20cm 	Jenis Tumbuhan Lanskap	Saiz Lubang Penanaman	Pokok naungan dan palma	1 meter x 1 meter x 1 meter	Tumbuhan renek	0.5 meter x 0.5 meter x 0.5 meter
Jenis Tumbuhan Lanskap	Saiz Lubang Penanaman						
Pokok naungan dan palma	1 meter x 1 meter x 1 meter						
Tumbuhan renek	0.5 meter x 0.5 meter x 0.5 meter						
Penyediaan tanah campuran	<ul style="list-style-type: none"> - Nisbah campuran yang biasa digunakan adalah 3 tanah loam : 1 bahan organik - Baja asas fosforus boleh dicampurkan untuk mempercepatkan perkembangan akar - Kapur dicampurkan untuk meningkatkan nilai pH tanah yang masam 						
Penanaman tumbuhan landscap	<ul style="list-style-type: none"> - Penanaman tumbuhan landscap merupakan kerja-kerja menanam di tapak landscap - Tanaman yang dibawa daripada nurseri ke tapak landscap 						
Modul 11 Pelaksanaan Lanskap Kejur							
Simenferro	<ul style="list-style-type: none"> - Sejenis struktur binaan yang terdiri daripada campuran pasir, simen dan air yang dilepa nipis pada jejaring dawai keluli 						
Kelebihan simenferro	<ul style="list-style-type: none"> - Mudah dibentuk - Tahan terdedah kepada hujan dan panas - Kukuh dan mudah dibaiki - Tidak memerlukan teknologi tinggi - Kos penyelenggaraan rendah 						
Kegunaan simenferro	<ul style="list-style-type: none"> - pembinaan perumahan/pembangunan seperti dinding dan atap - kesihatan awam seperti tangki minuman dan tandas - pertanian seperti kolam ikan dan pintu kawalan air - pengindahan dalam landscap seperti cendawan, batu tiruan dan kerusi meja - pengangkutan air seperti bot dan kapal layar 						
Bahan asas simenferro	<ul style="list-style-type: none"> - simen - pasir 						

		<ul style="list-style-type: none"> - keluli - jejaring dawai - air dan lain-lain
Langkah Kerja Simenferro	Membina kerangka kerusi bulat	<ul style="list-style-type: none"> - potong jejaring dawai 1.25cm berukuran 45cm x 90cm - potong jejaring dawai 1.25cm berukuran 30cm x 30cm - bentukkan menjadi kerusi bulat dan ikat menggunakan dawai dengan kemas
	Membina kerangka kaki meja	<ul style="list-style-type: none"> - potong jejaring dawai 1.25cm berukuran 60cm x 120cm - bentukkan menjadi struktur kaki meja
	Membina kerangka permukaan meja	<ul style="list-style-type: none"> - potong jejaring dawai 5cm berukuran 90cm x 90cm - bentukkan bulat - balutkan dengan jejaring dawai 1.25cm
	Menyimen/melepa	<ul style="list-style-type: none"> - bancuh simen, pasir dan air dengan nisbah 1 bahagian simen, 2 bahagian pasir halus dan 1/2 bahagian air - lepa selapis simen pada bahagian luar kerangka - biarkan keras - buat lapisan simen kedua kira-kira 1cm tebal, biarkan 2-3 jam - buatkan lorakkkan seperti kulit kayu - biarkan kering - bagi permukaan meja pula, kerangka mestilah dilepa di bahagian atas dan bawah setebal 7.5cm
	Mengecat/mewarna	<ul style="list-style-type: none"> - bersihkan struktur dari habuk dan kesan-kesan tajam/mengerutu - cat alas dengan warna hitam pada bahagian kulit kayu - cat kali kedua kulit kayu dengan warna coklat dan keringkan - bagi permukaan meja, cat alas dengan warna putih, kemudian cat merah dan kuning - sapu struktur dengan pengilat
		Modul 12

Penyelenggaraan Kawasan Lanskap

Pembajaan	Baja organik	<ul style="list-style-type: none"> - baja asli terdiri daripada najis haiwan atau sisa tumbuhan - biasanya digunakan sebagai baja permulaan - bertujuan untuk meninggikan tahap kesuburan tanah dan membaiki tekstur tanah - najis haiwan yang digunakan hendaklah cukup reput 										
	Baja kimia	<ul style="list-style-type: none"> - baja yang diproses kepada bentuk butiran, hablur dan cecair - baja kimia jenis butiran boleh digunakan terus kepada tanaman - baja kimia jenis hablur dan cecair hendaklah dicampur dengan air terlebih dahulu sebelum disembur tanaman 										
	Kadar pembajaan											
		<table border="1" style="margin-bottom: 10px;"> <thead> <tr> <th>Jenis pokok</th> <th>Tempat</th> <th>Jenis baja</th> <th>Kuantiti</th> <th>Kekerapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hiasan daun</td> <td>Dalam pasu</td> <td>NPK Hijau (15:15:15)</td> <td>1/2 sudu makan</td> <td>2 minggu sekali</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis pokok	Tempat	Jenis baja	Kuantiti	Kekerapan	Hiasan daun	Dalam pasu	NPK Hijau (15:15:15)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali
Jenis pokok	Tempat	Jenis baja	Kuantiti	Kekerapan								
Hiasan daun	Dalam pasu	NPK Hijau (15:15:15)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali								
<table border="1"> <tbody> <tr> <td>Atas tanah</td> <td></td> <td>NPK Hijau (15:15:15)</td> <td>1 1/3 tin susu</td> <td>4 minggu sekali</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Complehumus (8:8:8:3)</td> <td>1/2 sudu makan</td> <td>2 minggu sekali</td> </tr> </tbody> </table>	Atas tanah		NPK Hijau (15:15:15)	1 1/3 tin susu	4 minggu sekali			Complehumus (8:8:8:3)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali		
Atas tanah		NPK Hijau (15:15:15)	1 1/3 tin susu	4 minggu sekali								
		Complehumus (8:8:8:3)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali								
	<table border="1"> <tbody> <tr> <td>Hiasan bunga</td> <td>Dalam pasu</td> <td>NPK Merah (13:13:21) Atau Complehumus (8:8:8:3)</td> <td>1/2 sudu makan</td> <td>2 minggu sekali</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td>1/2 sudu</td> <td>2 minggu sekali</td> </tr> </tbody> </table>	Hiasan bunga	Dalam pasu	NPK Merah (13:13:21) Atau Complehumus (8:8:8:3)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali				1/2 sudu	2 minggu sekali	
Hiasan bunga	Dalam pasu	NPK Merah (13:13:21) Atau Complehumus (8:8:8:3)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali								
			1/2 sudu	2 minggu sekali								

				Complehumus (8:8:8:3) Complehumus (8:8:8:3)	1 1/3 tin susu 1 1/3 tin susu 1/2 sudu makan	2 minggu sekali 2 minggu sekali		
		Polibeg	Pokok hiasan berbunga belum matang	Dalam pasu Atas tanah Polibeg	NPK Biru (12:12:17:2)	1/2 sudu makan	2 minggu sekali	
Kaedah pembajaan		<ul style="list-style-type: none"> - Pembajaan terus <ul style="list-style-type: none"> - baja ditabur disekeliling pangkal pokok mengikut garisan kanopi - selepas itu, tanah digembur, kambus semula dan siram - Pembajaan poket <ul style="list-style-type: none"> - sediakan lubang-lubang kecil mengelilingi pokok mengikut kanopi - jarak antara lubang 10-15cm - letak baja dalam lubang, kambus semula dan siram - Pembajaan melalui semburan daun (foliar) <ul style="list-style-type: none"> - daun dan batang disiram atau disembur dengan larutan yang mengandungi baja sehingga basah sampai ke tanah - racun kulat dan serangga juga boleh dicampurkan bersama - kaedah ini sesuai di tapak semaihan - masa yang sesuai melakukan ini adalah waktu awal pagi dan lewat petang 						
		Minggu	Bahan	Kaedah				
		Pertama	Baja Dedaun + Racun Kulat	Sembur				
		Kedua	Baja Dedaun + Racun Serangga	Sembur				
		Ketiga	Baja Dedaun + Racun Kulat	Sembur				
		Keempat	Baja Dedaun + Racun Serangga	Sembur				
Pemangkasan	Tujuan pemangkasan	<ul style="list-style-type: none"> - mengawal saiz tumbuhan - mengurangkan transpirasi - mengimbangi pertumbuhan antara batang dan akar - menggalakkan pengeluaran bunga dan buah - mengekalkan kesuburan tanaman dan membuang bahagian yang rosak, mati dan berpenyakit - meninggikan nilai estetik - membentuk tanaman menjadi bentuk yang diingini 						
	Jenis pemangkasan	<ul style="list-style-type: none"> - Pemangkasan membentuk <ul style="list-style-type: none"> - dilakukan untuk mendapatkan bentuk pokok yang sesuai - tunas-tunas sisi dibuang, hanya mengekalkan tunas utama tumbuh ke paras yang sesuai - Pemangkasan rutin atau biasa <ul style="list-style-type: none"> - dilakukan untuk membuang tunas air, dahan yang patah, berpenyakit atau mati - bagi Bougainvillea, Jambul Merak atau Melati yang mengeluarkan bunga bersama tunas daun, pastikan tunasnya dipangkas setiap kali selepas berbunga - jika tidak dipangkas, ia akan tumbuh memanjang - Pemangkasan pemulihan <ul style="list-style-type: none"> - dilakukan dengan cara memotong dahan pokok sehingga ke pangkal atau batang utama - ini untuk menggalakkan batang dan dahan baru tumbuh dengan segar dan seterusnya memulihkan pertumbuhan pokok 						
	Cara	<ul style="list-style-type: none"> - Dahan yang tua 						

	pemangkasan	<ul style="list-style-type: none"> - potongan dibuat hampir dengan tunas dan menyerong supaya air tidak bertakung - Dahan yang besar - menggunakan kaedah 3 keratan - memotong di bahagian bawah, 25cm dari pangkal batang - potongan kedua di bahagian atas dengan jarak 5-8cm dari keratan pertama - apabila dahan jatuh, lakukan keratan ketiga di pangkal dahan 				
	Masa pemangkasan	<ul style="list-style-type: none"> - sebaiknya dilakukan di musim pertumbuhan aktif iaitu di akhir musim kemarau dan selepas musim bunga atau buah 				
	Rawatan luka	<ul style="list-style-type: none"> - selepas melakukan pemangkasan, bahagian yang luka perlu disapu dengan ubat atau cat 'coal tar', Santa SM atau ubat-ubat lain untuk mengelakkan serangan kulat 				
Kawalan Perosak dan Penyakit	Jenis Perosak dan Penyakit	Tanda serangan perosak jenis mengunyah	Tanda serangan perosak jenis menghisap	Tanda serangan virus	Tanda serangan kulat	Tanda serangan bakteria
		<ul style="list-style-type: none"> - daun berlubang dan koyak - najis serangga bertaburan - ulat-ulat perosak merayap di bahagian pokok - akar terpotong atau menjadi pendek - daun, buah atau dahan menjadi bengkak atau busuk - getah atau cecair kelihatan meleleh 	<ul style="list-style-type: none"> - daun kerekot, kekuningan, layu atau mati - batang, daun sewta buah dipenuhi dengan teritip atau sisik - bintik-bintik hitam disebabkan oleh bekas cucukan pada daun, buah atau batang 	<ul style="list-style-type: none"> - pertumbuhan pokok terbantut - semua bahagian daun berkedut dan kelihatan kecut - terdapat tempok hijau dan kuning (mozek) di permukaan daun 	<ul style="list-style-type: none"> - karat di daun - layu di seluruh pokok - kulapuk menyerang daun, buah, bunga dan batang - busuk dan reput di batang, buah dan bunga - permukaan daun dipenuhi pelbagai bentuk bintik 	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan pokok layu - bahagian daun berbintik - pokok kelihatan buruk dan reput
	Pengawalan Perosak dan Penyakit	Perosak/Penyakit		Kawalan		
		<ul style="list-style-type: none"> - Belalang, kumbang dan ulat daun - Hamama - Kulat - Siput babi dan lintah bulan - Bakteria dan virus 		<ul style="list-style-type: none"> - Racun serangga Carbaryl, Decis, Malathion - Racun hamama Ortus - Semburuan 2 minggu sekali - Racun kulat Captan, Benlate - Semburuan 2 minggu sekali - Umpan beracun Siputox, Metadex - Racun ditabur di tempat yang diserang - Sanitasi (kebersihan kawasan) 		